

# Perasmian Pelancaran MOBILI 2013

Selasa, 11 Jun 2013 10:26



**- MALAY VERSION ONLY-**

UCAPAN PERASMIAN PELANCARAN MOBILI 2013

OLEH Dr JALALUDDIN HARUN

PADA 1 JUN 2013 DI INTEKMA RESORT & COVENTION CENTRE, UITM, SHAH ALAM

Yang Berbahagia Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar,

Naib Chanselor UiTM

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t.

1. Pertamanya marilah kita mengucapkan syukur kepada Allah kerana dengan izin dariNya kita dapat bertemu pada pagi ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada MTIB dan UiTM kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Pertandingan Rekabentuk Perabot 2013 atau MOBILI 2013. Untuk makluman hadirin, pertandingan rekabentuk perabot ini merupakan pertandingan kali kedua yang dianjurkan oleh MTIB bagi mencari pereka muda yang berpotensi untuk mempamerkan rekabentuk mereka yang menyerlah untuk dipamerkan di pameran i-Saloni, Milan, Itali. MTIB meneruskan kerjasama dengan UiTM pada kali ini sebagai rakan strategik untuk pelancaran MOBILI 2013 memandangkan UiTM merupakan salah satu IPTA yang terawal dalam menjalankan program pembangunan reka bentuk termasuk reka bentuk perabot.

2. Sebagai makluman, kerjasama di antara MTIB dengan UiTM telah terjalin sejak lama dahulu. Hubungan erat ini tidak dapat dinafikan lagi memandangkan pihak UiTM merupakan pelopor dalam menawarkan kursus Diploma Teknologi Industri Kayu di bawah kelolaan Sekolah Sains Gunaan pihak universiti. Dalam usaha membangunkan industri perabot negara, MTIB telah bekerjasama dengan pihak UiTM bermula dengan penganjuran Bengkel Reka Bentuk Perindustrian Kali Pertama pada tahun 1985 dan Bengkel Kedua dalam tahun 1987.

Para hadirin sekalian.

3. Industri kayu telah menyumbang kepada pendapatan eksport yang diperolehi oleh negara kita sejak beberapa dekad lepas dan untuk dekad yang lalu, industri ini telah menunjukkan peningkatan dalam pendapatan eksport dari RM10.5 billion pada tahun 1992, kepada RM 20.0 billion pada tahun 2012. Peratusan sumbangan daripada nilai eksport industri kayu telah mencecah pecahan 2.8% daripada jumlah eksport negara untuk tahun lepas. Industri perkayuan pada masa ini berada pada fasa transisi dengan memfokuskan eksport kepada produk nilai tambah seperti kayu kumai, tanggam dan perabot. Sumbangan eksport produk nilai tambah ini untuk lima tahun kebelakangan jika dilihat secara purata adalah sebanyak 45% berbanding dengan jumlah eksport produk primer. Usaha perlu diteruskan bagi mencapai sasaran pada tahun 2020 kepada komposisi eksport produk nilai tambah mencecah 60% berbanding produk primer seperti mana yang disasarkan dalam Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP). Di antara produk nilai tambah, perabot adalah komponen yang penting berdasarkan nilai tambahnya yang tinggi. Pada masa ini Malaysia berada pada kedudukan ke 8 pengeksport terbesar perabot dunia dan ketiga di Asia, di mana destinasi eksport perabot Malaysia menjangkau lebih dari 160 buah negara. Eksport perabot Malaysia untuk lima tahun kebelakangan ini telah menunjukkan prestasi yang agak mendatar dengan anggaran purata perolehan sebanyak RM6.5 billion setahun, dan NATIP telah mensasarkan untuk mencapai pendapatan eksport perabot pada tahun 2020

sebanyak RM16.0 billion. Salah satu cabaran industri perabot di Malaysia adalah keperluan untuk beralih kepada pengeluaran perabot ODM (original design manufacturing) atau pembangunan reka bentuk sendiri, dan OBM (original brand manufacturing) iaitu usaha membangunkan jenama sendiri. Pada masa sekarang hampir 70% eksport perabot Malaysia adalah tergolong di bawah kategori OEM (original equipment manufacturing) ataupun pengeluaran perabot berdasarkan reka bentuk yang dibekalkan oleh pihak pengimport. Saya ingin menarik perhatian para hadirin sekalian kepada satu kajian yang menunjukkan bahawa keuntungan bagi pengeksportan produk OEM adalah pada kadar 7 hingga 11%, manakala pulangan dari keluaran ODM boleh meningkat kepada 12 hingga 15% dan seterusnya produk OBM boleh meraih keuntungan yang mencecah hampir 30 hingga 40%.

4. Rekabentuk amat penting dan merupakan faktor yang boleh meningkatkan nilai produk. Penampilan (appearance) rekabentuk produk adalah unsur utama dalam pemilihan produk oleh pembeli perabot. Dalam mana-mana industri, perkara yang paling penting ialah penjenamaan (branding) melalui reka bentuk. Industri perabot Itali menjadikan reka bentuk sebagai pemacu bagi penjenamaan dalam memasarkan produk mereka dan strategi ini disokong oleh pengguna tempatan negara tersebut yang amat mengutamakan jenama atau brand minded, iaitu mereka begitu peka kepada aspek reka bentuk atau design oriented. Hanya melalui reka bentuk yang berkualiti baharulah usaha penjenamaan produk dapat dilakukan dengan berkesan. Saya dimaklumkan bahawa negara kita hanya memiliki satu jenama bernilai dari 500 jenama paling bernilai di dunia. Punca utama kekurangan jenama yang kukuh yang dieksport dari Malaysia adalah disebabkan kekurangan pasaran untuk kita bina dan bangunkan jenama sesuatu produk. Majoriti pengeluar-pengeluar tempatan berada dalam zon selesa dengan mentaliti pengusaha skala kecil-kecilan yang mengejar keuntungan jangka pendek walaupun pulangan yang diperolehi agak kurang berbaloi. Kebanyakannya terikat dengan OEM dan ODM serta outsourcing untuk jenama antarabangsa yang lain. Oleh itu kunci kepada penjenamaan yang baik adalah melalui reka bentuk yang tersendiri serta menarik yang mungkin hanya mampu diperolehi melalui hubungan dengan pengguna, usaha bersungguh-sungguh oleh pihak industri dan sambutan dari masyarakat. Pelaksanaan penjenamaan menyeluruh dan global melalui reka bentuk yang baik ini juga perlu dilakukan secara konsisten. Fungsi dan bentuk (Form and Function) yang baik akan menghasilkan rekaan yang berkesan dalam memacu industri perabot ke peringkat yang lebih tinggi. Para jurureka perlu menjadi 'trendsetter' dengan idea yang asli dan menghasilkan produk baru yang berupaya memberikan unsur penjenamaan yang kuat yang bakal mendapat sokongan pihak industri tempatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

5. Mobili 2013 adalah satu Inisiatif yang dilakukan oleh MTIB untuk memilih pereka muda Malaysia untuk mempamerkan rekabentuk mereka di Pameran Salone- Satellite, Milan. Bersempena dengan pameran i-Saloni, pameran Salone-Satellite ini yang dikhaskan untuk pereka muda telah diadakan buat kali ke 16 pada bulan April yang lalu, berbanding pameran i-Saloni yang telah dianjurkan buat pertama kalinya dalam tahun 1960. Setiap tahun seramai lebih kurang 700 pereka muda di bawah umur 35 tahun yang terdiri dari pelbagai institusi dari seluruh dunia mengambil bahagian dalam pameran ini. Setiap penyertaan dari pelbagai negara akan dinilai oleh panel yang terdiri dari pereka profesional dari seluruh dunia dalam bidang reka bentuk, arkitek dan media.

6. MTIB telah memulakan projek bagi menghantar penyertaan Malaysia dengan menganjurkan pertandingan Mobili pada tahun lalu yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur di bawah 35 tahun. Peserta yang telah mengiriskan lakaran reka bentuk perabot telah dinilai oleh 7 orang juri profesional yang telah dijemput khas, terdiri daripada kalangan profesional tempatan dan dari luar negara. Penilaian reka bentuk yang menyertai pertandingan berkenaan didasarkan kepada kriteria pemarkahan seperti inovasi (50 markah), estetika (20 markah) dan 'functionality' (30 markah). Sebanyak 113 penyertaan telah diterima pada tarikh tutup yang ditetapkan pada 15 Ogos 2012. Dari jumlah tersebut, pihak juri telah memilih 20 reka bentuk dari 11 pereka untuk dihantar ke COSMIT sebagai penganjur Salone- Satellite, Milan. Dari jumlah tersebut seramai 5 pereka muda Malaysia telah diterima menyertai kategori "Young Designers' Showcase 2013" di Milan. Penyertaan reka bentuk jurureka muda Malaysia ini di promosikan di bawah jenama "Tanggam".

7. Bagi penyertaan julung-julung kalinya dari Malaysia dalam pameran ini, pencapaian pereka muda Malaysia amatlah membanggakan. Sebilangan besar pengunjung ke Tanggam berpendapat reka bentuk pereka muda Malaysia adalah unik. Para pengunjung untuk tempoh 9 hingga 14 April 2013 iaitu sepanjang pameran ini berlangsung, terdiri dari Pereka Profesional, Pembuat Perabot, pihak media, ahli akademik dan individu perseorangan. Hasil dari penyertaan ini, didapati sebahagian dari pereka warga tempatan ini telah dirisik oleh pereka antarabangsa, beberapa orang pengusaha yang bergiat di luar negara, serta beberapa orang pemilik 'design studios', kesemua mereka menaruh harapan untuk mengadakan kerjasama dengan jureka muda negara.

8. Mengikut peraturan COSMIT sebagai penganjur pameran, penyertaan setiap pereka muda adalah sekali sahaja dan penyertaan ulangan adalah berdasarkan jemputan dari pihak penganjur. Berdasarkan penyertaan pereka Malaysia yang memperlihatkan potensi yang memberangsangkan, pihak COSMIT secara lisan telah bersetuju untuk menjemput kesemua 5 pereka muda Malaysia berkenaan, untuk menyertai pameran ini pada tahun 2014.

9. Dalam masa yang sama pada tahun ini MTIB akan terus menganjurkan Pertandingan Mobili, di mana objektif utama penganjuran pameran ini adalah untuk mencungkil bakat pereka muda untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa. Dalam tahun 2013, MTIB bercadang untuk menganjurkan pertandingan ini dengan dua kategori iaitu peringkat pelajar dan pereka yang telah bekerja, atau pengusaha industri perabot Malaysia. Pemenang Peraduan ini jika diterima oleh COSMIT akan di bawa mempamerkan reka bentuk dan prototaip mereka di Salone-Satellite, Milan 2014. MTIB akan terus menganjurkan aktiviti ini untuk tahun-tahun berikutnya bagi memastikan Malaysia dilihat sebagai negara yang gigih mempertingkatkan kualiti reka bentuk perabot, dan sedang berusaha untuk beralih dari OEM ke ODM/OBM. Ruang pameran "Tanggam" MTIB di i-Saloni telah dikunjungi oleh 20,000 orang pelawat, 31 perwakilan pihak media dan 5,725 wartawan, termasuk liputan daripada satu saluran TV dan 4 pemilik laman web mengenai perabot.

10. Usaha untuk mengeluarkan pereka tempatan yang dikenali diperingkat antarabangsa perlu diteruskan dan usaha-usaha ke arah pencapaian objektif ini perlu digiatkan. Walaupun setakat ini kita telah menganjurkan pertandingan reka bentuk perabot, tetapi ianya tidak boleh berhenti setakat penyertaan pertandingan sahaja. Jureka-jureka ini mestilah bersikap proaktif serta mempunyai inisiatif untuk mengembangkan bakat mereka supaya mencapai kejayaan sebagai seorang jureka perabot industri yang akan memberi manfaat kepada industri perabot tempatan dan antarabangsa, seterusnya membangunkan label sendiri yang bakal menaikkan nama negara diperingkat antarabangsa.

11. Setiap tahun kita mengeluarkan pelajar dari jurusan reka bentuk tetapi tidak ramai daripada mereka yang terus mengekalkan karier mereka dalam bidang reka bentuk perabot. Yang lebih mengecewakan, kita belum berjaya mengeluarkan jureka ternama dalam reka bentuk perabot, oleh itu jureka muda Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan di Milan baru-baru ini perlu terus berkarya dan menawarkan khidmat dan memasarkan karya mereka kepada pihak industri. Dengan cara ini reputasi jureka akan meningkat dengan penambahan portfolio rekaan masing-masing, dan dalam masa yang sama dapat membantu pihak industri menghasilkan reka bentuk untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Sebagai seorang jureka mereka perlu ingat bahawa setiap reka bentuk yang dihasilkan mestilah mempunyai nilai pasaran selain daripada unsur ketulian. Justeru itu tidak dinafikan bahawa reka bentuk adalah kebolehan mempamerkan sifat kreatif kepada sesuatu produk.

12. Malaysia pada masa ini mempunyai beberapa orang pereka tempatan yang telah menempah nama di peringkat antarabangsa, antaranya pereka kasut terkemuka Datuk Jimmy Choo, yang turut mendapat pentauliah OBE (Order of the British Empire) di atas penglibatannya dalam industri fesyen dunia. Begitu juga dengan nama-nama lain seperti Zang Toi, Bernard Chandran, Rizalman Ibrahim dan Jovian Mandagie, yang sentiasa ditagih khidmat mereka di kalangan industri tempatan atau antarabangsa dalam dunia fesyen pakaian. Bagi 'product design' khususnya untuk pembuatan perabot, masih tiada lagi pereka tempatan yang telah menempah nama mereka di peringkat antarabangsa, diantaranya yang terkenal adalah nama-nama seperti Karim Rashid yang berasal dari Mesir, dan Carlo Colombo dari negara Itali. Walaupun begitu, terdapat ramai pereka tempatan yang berbakat dan boleh diketengahkan dimana mereka pernah menjulang beberapa anugerah peringkat tempatan dan antarabangsa, sekaligus membuktikan kita mempunyai bakat yang boleh diketengahkan, contohnya pereka dari Mimos Bhd yang memenangi 'Red Dot Design Award 2010'.

13. MTIB akan terus membantu membudayakan reka bentuk dalam industri kayu. Dalam tempoh masa terdekat ini pihak MTIB akan melancarkan 'design roadmap' supaya aktiviti pembangunan reka bentuk dalam industri kayu dapat dilakukan secara terancang.

14. Saya berharap pertandingan Mobili 2013 ini berjaya mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang rekabentuk perabot di Malaysia khususnya di kalangan pereka muda yang akan memperkenalkan Malaysia dipersada antarabangsa sebaris dengan reputasi yang ditunjukkan oleh negara-negara maju dalam bidang penjenamaan perabot. Sehubungan dengan itu, dengan lafaz "BISMILLAH HIR ROHMAANIRROHIIM", saya dengan sukacita merasmikan pelancaran MOBILI 2013.

Sekian terima kasih.

1 Jun 2013